



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
2755 Jalan Sentosa
86000 Kluang, Johor

Tel : 07-772 2946
Fax : 07-772 2540
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj. Kami : PPDKLG.600-2/4/1
Tarikh : 14 Julai 2025

Pengetua dan Guru Besar
Sekolah-sekolah Daerah Kluang

Tuan,

TAKLIMAT SEMINAR KAJIAN TINDAKAN SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH KLUANG

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan, Jabatan Pendidikan Negeri Johor melalui surat JPNJ.PEMB.600-10/2/15(2) bertarikh 4 Mac 2021, amat menggalakkan pelaksanaan dan pembudayaan Kajian Tindakan di sekolah-sekolah negeri Johor. Pihak JPNJ juga mensasarkan kesemua guru-guru di Johor menghasilkan sekurang-kurangnya 1 kajian tindakan setiap tahun. Berdasarkan manfaat dan impak besar yang boleh diperolehi daripada pelaksanaan Kajian Tindakan dan menyambut inisiatif JPNJ tersebut, PPD Kluang berhasrat untuk menganjurkan satu seminar kajian tindakan peringkat daerah.

3. Justeru, Penyelaras Kajian Tindakan sekolah-sekolah daerah Kluang dijemput hadir ke taklimat di atas seperti ketetapan berikut.

Tarikh : **14 Julai 2025 (Isnin)**
Masa : 2.00 petang – 4.30 petang
Tempat : Dewan Seminar Semarak, PPD Kluang

4. Sehubungan itu, mohon kerjasama tuan membenarkan seorang (1) guru yang menyelaras pelaksanaan kajian tindakan di peringkat sekolah untuk hadir ke taklimat berkenaan. Pentadbir perlu memastikan dasar Melindungi Masa Instruksional (MMI) dipatuhi sepanjang penglibatan guru tuan menghadiri penataran tersebut.

5. Kerjasama daripada pihak tuan amat dihargai dan sebarang pertanyaan sila hubungi Cik Annaha binti Ibrahim, Penyelaras Kajian Tindakan, PPD Kluang menerusi talian 07-7722946.

Sekian, terima kasih.

“SYNERGY IN EXECUTION : CONQUER THE CHALLENGE”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HJ. AYUB BIN IBRAHIM)
Pegawai Pendidikan Daerah